

**DRAF UCAPTAMA**  
**Y.BHG. PROF. DATUK DR AHMAD YUSOFF BIN HASSAN**  
**NAIB CANSELOR UTeM**

---

**MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1433H**

*22 Februari 2012 bersamaan 29 Rabiulawal 1433H,  
1.20pm, Masjid Sayyidina Abu Bakar, UTeM*

1

**A) SALUTASI**

Terima Kasih Saudara Pengacara Majlis

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Y.Bhg. Prof. Ir Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Y.Bhg. Engr. Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman  
Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Y.Bhg. Prof. Dr. Muhammad Ghazie bin Ismail  
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

2

Yang Berusaha Dr. Radzuan bin Nordin  
Pengarah Pusat Islam  
Merangkap Pengerusi Sambutan Maulidur Rasul 1433H

Yang dihormati ahli-ahli Panel Forum :

- Dr Hj Zahazan bin Mohamed &
- Ustaz Ahmad Hazran bin Ahmad Kamal

serta Ustaz Mohamad Fauzi bin Mustafa selaku Moderator

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dirahmati Allah sekalian

*Assalamualaikum Wr. Wb.*

3

## **B. PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita berkumpul bagi sama-sama meraikan salah satu peristiwa penting di dalam kalendar Islam. Kedatangan bulan Rabiulawal pada setiap tahun lazimnya mengingatkan kita tentang kelahiran junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Kelahiran ini sesungguhnya telah memberikan makna yang amat mendalam kepada kelangsungan hidup umat manusia di dunia dan di akhirat. Umat manusia dan alam keseluruhannya telah dihamparkan dengan rahmat dan keberkatan melalui perantaraan Rasulullah S.A.W., sebagaimana Firman Allah S.W.T di dalam surah Al-Anbiaa' ayat 107:

4

*"Dan tiadalah Kami mengutuskan Engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam".*

Muslimin yang dirahmati Allah,

### **C. KUPASAN ISI**

2. Agama Islam yang disampaikan oleh Rasulullah S.A.W adalah **addin** atau cara hidup yang menyuluh kegelapan manusia dengan mentauhidkan diri kepada Allah S.W.T. Keindahan agama Islam tidak dapat dirasai dan dihayati sekiranya kita tidak beramal dengannya. **Keindahan Islam** mencakupi segala aspek kehidupan manusia seperti akidah, ibadah, muamalat, akhlak, perundangan, ilmu dan berbagai lagi.

5

3. Rasulullah S.A.W telah menjadi **contoh kepada kehidupan** sebenar seorang Muslim. Sifat-sifat kenabian Baginda iaitu **Siddiq (Benar), Amanah, Tabligh (Menyampaikan) dan Fatanah (Bijaksana)** perlu menjadi tauladan kepada seluruh umat Islam. Di kesempatan ini ingin saya menekankan mengenai **kepentingan sifat amanah**. Amanah adalah sifat yang perlu ada pada setiap umat Islam terutamanya dalam pekerjaan. Tanpa sifat amanah seseorang itu tidak dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya dengan baik. Malah staf yang tidak amanah akan menjadi perosak kepada organisasi.

4. **Amanah** bererti menempatkan sesuatu pada tempatnya yang wajar supaya kita mampu menunaikan tugas dan kewajipan

6

dengan benar. Bagi memenuhi erti amanah maka kita perlu berlumba-lumba menunaikan tugas dan tanggungjawab dengan tegas dan bersungguh-sungguh. Amanah akan menjadikan seseorang melakukan kerja dengan ikhlas demi mencari keredaan Allah. Inilah keindahan Islam yang disampaikan oleh Rasulullah S.A.W.

Tuan/Puan yang dirahmati Allah,

5. UTeM adalah organisasi pembelajaran yang ditubuhkan dengan amanah untuk melahirkan **graduan yang mempunyai kredibiliti** di dalam aspek akademik dan personaliti. Selain dari itu kita juga bertanggungjawab bagi mengangkat martabat negara dalam bidang pengajian tinggi. Amanah ini menuntut

7

kepada pengorbanan masa dan tenaga seluruh warga tidak kira apa jawatan dan kumpulan sekalipun. Ambillah peluang sempena sambutan Maulidur Rasul ini bagi menginsafi diri serta merenung untuk memperbaiki kelemahan yang ada. Marilah kita bersama-sama menghayati bagaimanakah sifat dan keperibadian Rasulullah S.A.W boleh memberi kekuatan kepada kita untuk memperbaiki diri bagi mencapai kemajuan Universiti seperti yang diwar-warkan.

6. Semoga apa yang bakal dikongsi bersama oleh ahli panel forum sebentar lagi dapat memberi ingatan kepada kita terhadap perjuangan Rasulullah S.A.W untuk menyebarkan syiar Islam. Sekalipun Baginda telah meninggalkan kita lebih seribu empat ratus tahun yang lalu, namun setiap gerak laku dan tutur

8

katanya boleh dilaksanakan pada masa kini, malahan amat bersesuaian dengan fitrah manusia yang inginkan kebahagiaan.

Firman Allah SWT :

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ  
الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

*Maksudnya : “Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari*

9

*akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)”*

*(Surah Al-Ahzab Ayat 21)*

7. Sebelum mengakhiri ucapan, saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Pusat Islam serta semua ahli Jawatankuasanya yang telah berusaha menyempurna tugas bagi menzahir upacara bersempena Sambutan Maulidur Rasul 1433H ini. Sekalung penghargaan ditujukan buat ahli-ahli panel Forum di atas kesudian berkongsi ilmu bersama kami warga UTeM di Melaka ini.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.